

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KACANG BUNCIS**Standard FAMA : FS023 – 2001****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Kacang Buncis atau nama botaninya *Phaseolus Vulgaris* L. dari famili Leguminosae.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:-

- 2.1 *Kematangan* – tahap kematangan Kacang Buncis dibahagikan kepada dua (2) indeks seperti berikut:
 - 2.1.1 Indeks 1 – Belum Matang. Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti. Lenggainya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan. Biji kacangnya belum terbentuk dengan sempurna.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti. Lenggainya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan. Biji kacangnya muda, lembut dan bentuk biji mulai kelihatan.
 - 2.1.3 Indeks 3 – Terlebih Matang. Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau tua. Lenggainya telah menjadi berserat dan berotot kuat, liat dan tidak mudah dipatahkan. Saiznya agak besar, biji kacangnya telah tua dan bentuk biji kelihatan terbonjol.
- 2.2 *Kematangan Seragam* – Konsainan yang mengandungi satu tahap kematangan mengikut varieti.
- 2.3 *Segar* – Keadaan Kacang Buncis tidak layu, kecut dan lembut.
- 2.4 *Kotor* – Kacang Buncis yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, cebisan daun mati, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Kacang Buncis yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 *Cacat* – Kacang Buncis yang bentuknya tidak sempurna atau normal seperti terencat (pendek) dan terlalu bengkok samada di tengah atau di hujungnya. Lenggai dengan uratnya yang berbelit dan berpintal.

2.5.2 *Cacat rupa* – Tanda-tanda pada permukaan kulit kacang yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik kecil, karat dan nyahwarna tetapi tidak menjejaskan kualiti kacang. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.

2.6 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.

3. KEPERLUAN MINIMUM

3.1 Permukaan kulit Kacang Buncis berwarna hijau muda atau hijau (mengikut varieti). Bentuk yang sempurna dan segar, tidak terlebih matang dan agak bebas daripada kecacatan.

3.2 Kacang Buncis agak bebas daripada kerosakan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, serangga perosak dan penyakit.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Kacang Buncis dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Kacang Buncis dalam kelas ini hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 5% Segar ≤ 5% Rosak ≤ 3% Kecacatan ≤ 5% Keseragaman saiz ≤ 10%
1	Kacang Buncis dalam kelas ini hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 5% Segar ≤ 5% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%
2	Kacang Buncis dalam kelas ini hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 10% Segar ≤ 10% Rosak ≤ 10% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%

4.2 Pengelasan saiz Kacang Buncis ditentukan oleh panjang kacang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut:-

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 15
Sedang	M	> 10 – 15
Kecil	S	7 - 10

Rujukan Standard: Specification for Fresh French Beans MS: 1252 (1992)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Kacang Buncis daripada saiz dan gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai dengan sistem pengudaraan yang baik serta memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/kod penanam
- 5.2.3 Nama/kod pengeksport
- 5.2.4 No. kad pengenalan
- 5.2.5 No. pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan untuk kepastian spesifikasi dan gred adalah berdasarkan kepada MS 1187, "Method of sampling for fresh vegetables", atau kaedah statistik yang dipersetujui.